

## MAKLUMAT ZON BERSIH

---

### 1. Latar Belakang

Zon Bersih merupakan satu konsep dimana ia diwujudkan bagi memupuk semangat kerjasama diantara pihak kerajaan dan rakyat. Program Zon bersih ini merupakan cetusan idea dari Menteri Besar Selangor iaitu Y.A.B Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid bin Ibrahim pada tahun 2009 dan telah di implementasikan dengan kerjasama Exco Kerajaan Tempatan iaitu Y.B Tuan Ronnie Liu Tian Khiew.

Pelancaran Zon Bersih Peringkat Negeri Selangor merupakan Pelancaran Zon Bersih kali ke-4 di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dengan kerjasama 11 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang lain. Majlis ini bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1 petang dan telah dilancarkan di Kuala Selangor pada 23 Mac 2013 (Sabtu). Program Zon Bersih 2013 telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Y.A.B Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid bin Ibrahim.

Antara konsep yang diperkenalkan adalah berkaitan dengan "Konsep Kejiranan Hijau". Pelancaran Zon Bersih ini juga turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor, Ahli-ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan Daerah Kuala Selangor, wakil-wakil PBT di Selangor, Ahli JKP, PeBT dan kakitangan MDKS. Hampir 600 orang peserta terlibat dengan program ini. Oleh yang demikian, Zon Bersih dianggap sebagai usaha menggalakkan "Smart Partnership" antara kerjasama PBT, swasta, NGO dan komuniti dalam mewujudkan suasana "Kejiranan Hijau" yang kondusif.

Di Majlis Perbandaran Kajang(MPKj), penempatan komuniti Taman Prima Saujana dan Taman Seri Jenaris telah dipilih untuk bersaing dalam program tersebut.

## 2. Konsep Zon Bersih 2013

-Kejiranan Hijau

Definisi :

“Suatu kawasan kejiranan yang dirancang secara bersepadu dengan memberi keutamaan kepada perlindungan dan penggunaan sumber semula jadi, aplikasi teknologi hijau, dan amalan hijau yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan dan kebajikan umum penduduk”

## 3. Kriteria Pemantauan Zon Bersih

### A. Kebersihan Zon Bersih

Objektif :

1. Memastikan Penyelenggaraan Kebersihan Dilaksanakan Secara Berterusan, Cepak Dan Berkesan.
2. Meningkatkan Kualiti Kesihatan Persekitaran Pada Tahap Yang Selesa, Sihat Dan Selamat
3. Mewujudkan Kesedaran Setempat Dalam Aspek Kesihatan Dan Kebersihan Melalui Penerapan Nilai Kemasyarakatan dan Langkah-Langkah Penguatkuasaan Yang Berterusan
4. Nota:\*Konsep Kejiranan Hijau ( Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – JPBD Malaysia)

### B. Penyelenggaraan Infrastruktur

Objektif:

1. Infrastruktur cemerlang dan penyelenggaraan terbaik yang indusif kepada keselesaan / keselamatan untuk masyarakat.
2. Nota : \*Konsep Kejiranan Hijau ( Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – JPBD Malaysia)

### **C. Penyelenggaraan lanskap**

Objektif :

1. Mewujudkan pengurusan, perancangan serta penyelenggaraan aktiviti lanskap yang lebih teratur dan berterusan selaras dengan Program 'Zon Hijau' / 'Kejiranan Hijau'
2. Nota : \*Konsep Kejiranan Hijau ( Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – JPBD Malaysia)

### **D. Penyelenggaraan Kemudahan Awam**

Objektif:

1. Mewujudkan Kemudahan Yang Praktikal, Bersih Dan Selamat Kepada Masyarakat
2. Nota : \*Konsep Kejiranan Hijau ( Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – JPBD Malaysia)

### **E. Pengurusan Program Zon Bersih**

Objektif :

1. Menilai pengurusan (urusetia) pelaksanaan Program Zon Bersih yang boleh dicontohi, cemerlang dan terbaik.

### **F. Penglibatan Komuniti**

Objektif :

1. Mewujudkan budaya masyarakat yang prihatin terhadap pembangunan persekitaran serta memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan jalinan kerjasama ngo/csr/sekolah/dll
2. Nota : \*Konsep Kejiranan Hijau ( Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau – JPBD Malaysia)

## **G. Dokumentasi**

Objektif :

1. Mewujudkan mekanisma terbaik bagi urusetia dan jabatan
2. Pelaksana dalam pengurusan dokumentasi yang sistematik.

## **H. Pengauditan Kawasan Zon Bersih (lama)**

Objektif :

1. Fokus kepada aspek penyelenggaraan kebersihan, landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan penglibatan komuniti atau awam (aktiviti penjagaan Program Zon Bersih)

#### 4. Perancangan Kerja ke Arah Zon Bersih

BIL	AKTIVITI	BULAN												JUMLAH	
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
1.	Pemesyuaratan														
	- Mesyuarat jawatankuasa majlis perwakilan penduduk zon 8	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	12
	- Mesyuarat jawatankuasa persatuan penduduk						X						X	2	
	- Mesyuarat jawatankuasa persatuan surau						X						X	2	
	- Mesyuarat jawatankuasa persatuan peniaga						X						X	2	
2.	2.1 Perancangan Program	X													
	2.2 Pelaksanaan Program														
	- Gotong-royong / pengindahan kawasan	X		X		X		X		X			X	6	
	- Program Alam Sekitar	X		X		X		X		X			X	6	
	- Kempen & Promosi	X		X		X		X		X			X	6	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenayah &amp; vandalisme</li> <li>- Kursus / latihan atau bengkel penerangan kepada JKP/ komuniti/ peniaga/ kontraktor</li> <li>- Idea/ cadangan komuniti</li> <li>- Kehadiran ke Program PBT Majlis Pelancaran Zon Bersih Selangor (Lampirkan Senarai Kehadiran Komuniti)</li> </ul>				X					X		2
		X										1
		X										1
		X										1
3	<p>Jalinan Kerjasama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyertaan Dan Penglibatan (Penduduk / Persatuan Peniaga/ JMB /NGO /Jawatankuasa Rumah Ibadat</li> <li>- Kerjasama Agensi- Agensi Kerajaan / Badan</li> <li>- Berkanun/ Pihak Swasta</li> <li>- Program yang berkaitan dengan pendidikan pemeliharaan alam sekitar di peringkat sekolah / awam</li> </ul>			X		X		X		X		4
			X			X		X		X		4
			X			X		X		X		4

4.	4.1 Rekod / Dokumentasi/ Laporan  - Program Yang Dilaksanakan Oleh PBT/Agensi Kerajaan/ Komuniti/ NGO/ Jk Alam Sekitar/ Sekolah/ CSR  - Photo Perlaksanaan Program / Mesyuarat / Aktiviti  - Risalah Promosi / Website*  - Pihak Media (promosi)*						X							1
														1

\*Mengikut program yang dijalankan.

## 5. Masalah dan Pelan Tindakan ke Arah Zon Bersih 2013

BIL	MASALAH	PELAN TINDAKAN
1.	Penduduk tiada maklumat mengenai Zon Bersih	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Adakan taklimat / ceramah kepada AJK / KRT / AJK Surau</li> <li>b. Memasang papan tanda / kain rentang dan edar pamphlet sebagai hebahan</li> <li>c. Sesi memperkenalkan Ahli Majlis sebagai pengerusi MPP zon terbabit</li> </ul>
2.	Pokok-pokok tidak dibela dan dijaga dengan baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gotong-royong cantasan, tebang dan penanaman semula</li> <li>b. Kenalpasti kawasan yang hendak ditanam pokok</li> </ul>
3.	Masalah kebersihan yang tidak memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mengadakan gotong-royong secara bersepadu dan berkala.</li> <li>b. Menyediakan Tong Sampah Zon Bersih</li> <li>c. Mengadakan kempen anti denggi (taklimat dan semburan)</li> </ul>
4.	Jenayah dan Vandalisma	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gotong-royong bersepadu Vandalisma</li> <li>b. Pendidikan Jenayah Vandalisma</li> <li>c. Pengedaran risalah dan pamphlet</li> </ul>
5.	Penjagaan Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gotong-royong bersepadu dan berkala dengan melibatkan semua pihak</li> <li>b. Pendidikan kepada sekolah yang berhampiran</li> <li>c. Perbanyakkan penanaman pokok contohnya mewujudkan Taman Komuniti</li> <li>d. Mewujudkan zon-zon hijau di laluan-laluan utama</li> <li>e. Kempen kitar semula / bokasi</li> <li>f. Hebahan kepada masyarakat supaya menjaga kebersihan</li> </ul>